

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld.4 (23)

Tarikh : **04** September 2023

POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 5/2023

TEMPOH TRANSISI PEMATUHAN GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU BAGI TUJUAN KEMASUKAN (APEL.A) DAN PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERDASARKAN PENGALAMAN TERDAHULU UNTUK MICRO-CREDENTIALS (APEL.M)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 1/2023 – Garis Panduan Amalan Baik: Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu Bagi Tujuan Kemasukan (APEL.A) dan Pengakreditan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Terdahulu untuk *Micro-credentials* (APEL.M) [Guidelines to Good Practices (GGP): APEL.A & APEL.M] bertarikh 17 Januari 2023.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pelaksanaan dan pematuhan terhadap GGP: APEL.A & APEL.M adalah terpakai kepada semua Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dalam penyediaan dokumen permohonan sebagai Pusat Penilaian APEL (PPA) termasuk penambahbaikan kepada dasar dan instrumen yang perlu dipatuhi oleh PPA APEL.A sedia ada **berkuat kuasa mulai 01 Mac 2023**. Pelaksanaan dan pematuhan ini turut melibatkan permohonan baharu sebagai PPA APEL.A bagi penilaian peringkat Diploma Lanjutan [Tahap 5, Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM)], Diploma Siswazah dan Sijil Siswazah (Tahap 6, KKM), Sarjana secara Penyelidikan, Diploma Pascasiswazah dan Sijil Pascasiswazah (Tahap 7, KKM) dan Ijazah Kedoktoran secara Kerja Kursus, Campuran dan Penyelidikan (Tahap 8, KKM) serta permohonan sebagai PPA APEL.M.

3. Menerusi maklum balas daripada pihak berkepentingan, pihak MQA prihatin akan keperluan mewujudkan tempoh transisi bagi pematuhan terhadap GGP: APEL.A & APEL.M. Ini berikutan terdapat keperluan PPA APEL.A menambahbaik instrumen penilaian seperti Ujian Aptitud dengan memasukkan elemen *digital literacy* serta membangunkan soalan yang bersesuaian kepada pemohon antarabangsa selaras dengan keperluan yang ditetapkan dalam GGP: APEL.A & APEL.M tersebut.

4. Berdasarkan penelitian ke atas isu dan cabaran yang dihadapi oleh PPA APEL.A, MQA dengan ini bersetuju agar pematuhan terhadap GGP: APEL.A & APEL.M ditetapkan seperti berikut:

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	01 Mac 2023	Tarikh kuat kuasa: i. Bagi permohonan sebagai PPA APEL.A dan pelaksanaan penilaian APEL.A untuk peringkat baharu iaitu: • Diploma Lanjutan (Tahap 5, KKM); • Diploma Siswazah dan Sijil Siswazah (Tahap 6, KKM); • Ijazah Sarjana secara Penyelidikan, Diploma Pascasiswazah dan Sijil Pascasiswazah (Tahap 7, KKM); dan • Ijazah Kedoktoran secara Kerja Kursus, Campuran dan Penyelidikan (Tahap 8, KKM). ii. Bagi permohonan sebagai PPA APEL.M dan pelaksanaan penilaian APEL.M.
2.	01 Mac 2023 hingga 29 Februari 2024	Tempoh transisi: i. Pelaksanaan penilaian APEL.A bagi peringkat: • Sijil (Tahap 3, KKM); • Diploma (Tahap 4, KKM); • Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, KKM); dan • Ijazah Sarjana secara Kerja Kursus dan Campuran (Tahap 7, KKM). ii. Terpakai kepada semua PPT yang telah diluluskan sebagai PPA APEL.A (Terbuka atau Dalam); atau telah dipelawa sebagai PPA APEL.A oleh MQA; atau sedang dalam proses penilaian permohonan sebagai PPA APEL.A. Bagi kategori PPT di perenggan (ii) ini, tarikh kuat kuasa pematuhan terhadap GGP: APEL.A & APEL.M adalah bermula pada 01 Mac 2024.

5. PPA APEL.A dan PPT yang berkenaan dimohon untuk mengambil perhatian yang sewajarnya perkara ini bagi memastikan pelaksanaan APEL.A dan APEL.M berjalan dengan lancar dan teratur.

Sekian, terima kasih.

“PENDIDIKAN TINGGI BERKUALITI GLOBAL”

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' PROF. DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E, Purat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
4. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 5, Galeria PJH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
5. YBrs. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 3, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
6. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi
Pejabat Menteri Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
7. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR

8. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI SELANGOR
10. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Aras 6, Bangunan Canselori
43600 BANGI, SELANGOR
11. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O Box 10
50728 W.P. KUALA LUMPUR
12. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pendaftar
International Medical University (IMU)
No. 126, Jalan Jalil Perkasa 19
Bukit Jalil
57000 W.P. KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn 1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

15. Presiden
 Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
 c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
 Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
 Bukit Jalil
 57000 KUALA LUMPUR